

UNTUK SIARAN SEGERA

13 APRIL 2019



BANGI RESORT HOTEL

OWNED BY: BANGI RESORT HOTEL SDN BHD (245169-H)

Off Persiaran Bandar

43650 Bandar Baru Bangi

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +60 3 8210 2222

Fax: +60 3 8210 2888

www.bangiresorthotel.com

info@bangiresorthotel.com

BUFET CAHAYA RAMADAN

Meraikan kepelbagaian adat dan tradisi hidangan Malaysia

Bangi, APRIL 13, 2019: Bangi Resort Hotel menyambut kedatangan Ramadan 2019 dengan kepelbagaian adat dan tradisi hidangan Malaysia bersama beberapa hidangan kegemaran antarabangsa di Restoran Funtasia. Semarakkan semangat bulan Ramadan bersama keluarga, sahabat handai dan kawan sekerja di restoran Funtasia yang mesra keluarga. Daripada hidangan pembuka selera seperti rojak pasermur ke pemanis mulut sesejuk gelato dan banyak lagi diantaranya, semestinya ada sesuatu yang menarik untuk semua menjamu selera.

Terletak di perbandaran Bandar Baru Bangi yang kian pesat membangun, Bangi Resort Hotel terletak hanya 30minit dari pusat Bandar Kuala Lumpur dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur melalui jaluran lebuhraya utama. Perbandaran Putrajaya, Cyberjaya, Cheras dan Kajang hanya 15 ke 20minit jarak pemanduan. Parkir adalah percuma untuk semua pengunjung dan kemudahan surau juga disediakan di tingkat 1 dan 2.

Funtasia ialah sebuah restoran berkonsepkan bufet yang menyediakan hidangan tempatan, barat dan bermacam lagi gerai di mana chef-chef hebat beraksi di depan mata para pelanggan menyediakan hidangan yang menyelerakan sekaligus menjanjikan pengalaman luarbiasa seperti di alam “wonderland” kulinari.

Tahun ini, barisan chef kami akan menyediakan lebih daripada dua ratus pilihan hidangan Malaysia dan antarabangsa. Daripada hidangan pembuka selera yang dipamerkan diatas “Ferris Wheel” setinggi 12 kaki hingga kambing golek bakar, Satay Malaysia dan BBQ ala Mongolia. Diantara hidangan kegemaran di restoran Funtasia ialah gyoza Jepun, nasi goreng robo-wok, hidangan eksklusif sup tulang dan sup kambing, kari kepala ikan dan serawa durian. Tidak lupa juga pemanis mulut seperti ais kacang dan cendol, kuih ketayap yang di masak secara langsung, dan gelato berlainan perisa setiap hari. Tarikan istimewa buat bufet tahun ini ialah kehadiran robot barista bernama “Robbie” yang boleh menyediakan aiskrim dan minuman berdasarkan kopi. Semua ini dan banyak lagi untuk memenuhi kepuasan anda. Dapur Funtasia, Harmoni, pastry dan bankuet adalah disahkan halal oleh JAKIM.

Harga promosi dalam talian bermula dari 15 Mac hingga 15 April 2019 untuk 100 tempat terawal ialah RM75+ (dewasa) dan RM37.50+ (kanak-kanak). Selepas tempoh tersebut, harga dalam talian ialah RM85+ (dewasa) dan RM42.50+ (kanak-kanak). Tempahan melalui telefon dengan pra-bayar minimum 24jam ialah RM90+ (dewasa) and RM45+ (kanak-kanak). Harga biasa bufet ialah RM120+ (dewasa) and RM60+ (kanak-kanak). Bagi setiap pelanggan dewasa untuk promosi Buffet Cahaya Ramadan, RM3.50 akan disalurkan ke tabung Islamic Relief Malaysia.

Untuk tempahan, hubungi 03-8210 2222 atau e-mail fb_reservations@hotelbangi-putrajaya.com. Lawati www.bangiresorthotel.com untuk maklumat lanjut dan promosi terkini.

#cahayaramadanBRH #bangiresorthotel #iftarBRH #bukapuasa #buffetramadan #hospitalityredefined

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Samtinar Hazni Jamaluddin

Marketing & Communications Manager

Bangi Resort Hotel

+603 8210 2222 (O) +6010 8978777 (M) tina@bangiresorthotel.com

Untuk versi dalam talian,sila lawat pautan

www.bangiresorthotel.com/en-us/media/